

08 JAN 2004

Abdullah-Mou

M'SIA DAN INDONESIA AKAN SEGERA TANDATANGAN MoU TENAGA KERJA

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 8 Jan (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia akan segera menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berhubung pengambilan tenaga kerja Indonesia, yang tertangguh beberapa waktu kerana beberapa masalah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Katanya MoU itu penting sebagai panduan dalam urusan pengambilan dan menangani apa jua masalah yang timbul berhubung isu tenaga kerja Indonesia yang diperlukan oleh Malaysia.

"Masih ada sedikit lagi masalah yang tak perlu saya terangkan di sini. Saya harap dapat diatasi dengan segera," katanya pada sidang media bersama dengan Presiden Megawati Sukarnoputri.

Abdullah tiba di sini pagi ini untuk lawatan singkat, yang pertama kali diadakan setelah dilantik Perdana Menteri pada 31 Okt lepas menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum itu, Perdana Menteri yang ditemani Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, mengadakan kunjungan hormat terhadap Megawati di Istana Negara, diikuti perbincangan dua hala.

Lawatan sehari itu merupakan tradisi bagi seseorang pemimpin baru sebuah negara Asean untuk memperkenalkan diri kepada rakan sejawatan mereka yang lain dan Indonesia adalah negara pertama dalam siri kunjungan itu.

Antara perkara penting yang bakal dimuat dalam MoU berkenaan ialah pengambilan tenaga kerja Indonesia harus melewati ejen tenaga kerja dari Indonesia dan tidak boleh dibuat secara langsung seperti yang diinginkan oleh majikan di Malaysia.

Di samping itu, majikan Malaysia boleh memegang passport para pekerja sebagai jaminan mereka menepati tempoh kontrak dan menggantikannya dengan dokumen lain yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, sebagai pengenalan jika mereka perlu melakukan urusan lain di luar kerja.

Ratusan ribu para pekerja Indonesia kini mencari nafkah di Malaysia terutama di sektor pembinaan dan perladangan kerana masalah ketiadaan pekerjaan dalam negara, dan sebahagian daripada mereka masuk secara haram.

Kerajaan Malaysia beberapa kali telah mengadakan operasi besar-besaran menghantar mereka pulang ke tanahair dengan harapan mereka mendapatkan dokumen sah jika ingin bekerja semula di Malaysia.

Abdullah berkata beliau dan Megawati bersetuju untuk mengadakan rundingan tahunan antara pemimpin kedua-dua negara, dan suruhanjaya bersama Malaysia-Indonesia, diadakan secara berjadual.

"Ini bagi mengelakkan kelengahan sehingga mesyuarat itu lupa diadakan. Kalau jadualnya sudah tetap, tidak akan berlaku kealpaan," katanya.

Beliau dan Megawati menganggap rundingan tahunan dan suruhanjaya itu penting sebagai satu mekanisme untuk melaksanakan dan mendapat maklum balas terhadap apa yang sudah dirancang antara kerajaan kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata beliau ingin melihat pelaburan Indonesia di Malaysia dalam bidang perusahaan dan perdagangan, terus meningkat.

"Kita akan terus berbincang untuk mempercepat cadangan bagi mewujudkan perjanjian pembayaran dua hala sebagai satu daripada usaha untuk menggalakkan pelaburan," katanya.

Sementara itu, Megawati dalam kenyataannya berkata dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin berazam untuk menyelesaikan masalah perbatasan laut dan darat, terutama antara wilayah Sarawak dan Kalimantan.

Dalam hal ini, katanya, mereka memiliki pandangan yang sama mengenai perbatasan laut yang perlu didasarkan pada prinsip bahawa penambahan pantai

tidak akan mengubah sempadan laut kedua-dua negara.

Mengenai kegiatan lanun terutama di perairan Selat Melaka, beliau berkata mereka bertekad untuk mengatasinya bagi menjamin jumlah perdagangan terus meningkat di kawasan itu dan pada waktu yang sama mencegah penyeludupan kayu, manusia dan senjata.

Megawati juga berkata mereka bersetuju untuk mewujudkan dasar dan rangka kerja tenaga manusia serta kerjasama di bidang minyak dan gas, dengan terus membincangkan satu projek cadangan antara syarikat minyak kedua-dua negara -- Petronas dan Pertamina.

Di samping masalah dua hala, Presiden Indonesia itu juga berkata mereka bertukar-tukar fikiran tentang beberapa isu wilayah dan antarabangsa yang menjadi perhatian kedua-dua negara selama ini.

"Kami juga menegaskan dan mengulangi tekad bersama untuk terus memantapkan usaha memerangi keganasan antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA
OPP MUN RON